



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 30 / 2021

PEWARTAAN TARikh KUAT KUASA SEKSYEN 3(a) DAN (b) AKTA PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 2019 DAN PINDAAN PERUNDANGAN SUBSIDIARI BERKAITAN PILIHAN RAYA

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan bahawa Seksyen 3(a) dan (b) Akta Perlembagaan (Pindaan) 2019 berhubung dengan **pindaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik telah diwartakan pada 1 Disember 2021** sebagai P.U.(B) 615/2021 yang akan **berkuat kuasa pada 15 Disember 2021** setelah mendapat perkenan daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

2. SPR juga ingin memaklumkan bahawa pindaan kepada perundangan subsidiari berkaitan pilihan raya iaitu **Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih)(Pindaan) 2021** dan **Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya)(Pindaan) 2021** telah **diwartakan pada 30 November 2021** sebagai P.U.(A) 433/2021 dan P.U.(A) 434/2021 yang akan **berkuat kuasa pada 15 Disember 2021** setelah mendapat perkenan

daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berdasarkan Seksyen 17 Akta Pilihan Raya 1958.

3. Justeru itu, SPR akan membentangkan kedua-dua pindaan peraturan-peraturan tersebut dalam Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat, Parlimen Keempat Belas (2021) dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

DATUK IKMALRUDIN ISHAK
Setiausaha
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
2 Disember 2021 / 27 Rabiatulakhir 1442H